

28 NOV 1997

PEMINDAHAN TEKNOLOGI TINGKATKAN KELEBIHAN PERSAINGAN M'SIA, KATA DR M

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

TOKYO, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang terdorong oleh sokongan berterusan dari pelabur-pelabur Jepun terhadap program pengindustrian, berkata pemindahan teknologi dari Jepun akan meningkatkan kelebihan persaingan produk tempatan secara global.

"Kami menghargai pemindahan teknologi kepada syarikat-syarikat di Malaysia...mungkin terdapat persaingan dalam pasaran, malahan antara syarikat usaha sama dan syarikat utama di Jepun, tetapi persaingan seumpama itu adalah sihat," katanya dalam majlis menandatangani perjanjian usaha sama antara Premier Choice Sdn Bhd, Usra Tampi Sdn Bhd dengan Metro Denso Ltd dari Jepun.

Perjanjian itu adalah bagi pengeluaran suis gabungan untuk industri automotif di Malaysia dan tujuan eksport.

Dr Mahathir, yang berada di sini dalam lawatan sambil bekerja selama dua hari berkata Malaysia menghargai kesudian syarikat-syarikat Jepun untuk berkongsi kepakaran mereka dalam aktiviti perindustrian berteknologi tinggi dengan rakan kongsi Malaysia, bertentangan dengan kepercayaan bahawa pengeluar Jepun enggan berkongsi pengetahuan mereka dalam bidang tertentu.

Beliau berkata pembentukan usaha sama itu juga membantu Malaysia mengatasi kesulitan ekonomi akibat masalah mata wang yang dihadapi oleh ekonomi-ekonomi negara Asia Tenggara.

Beliau berkata kerjasama itu akan merapatkan lagi hubungan antara syarikat-syarikat di Malaysia dan Jepun.

Dr Mahathir, yang singgah di ibu negara Jepun itu ketika dalam perjalanan pulangan ke Kuala Lumpur selepas menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver, kemudiannya menyaksikan majlis menandatangani dokumen usaha sama oleh pengerusi Premier Choiche Datuk Wira Mohd Saleh Sulong, pengerusi eksekutif kumpulan Datuk Abdul Shukor Mohamed dan Presiden Metro Denso M. Tanaka.

Usra Tampi memegang ekuiti 51 peratus dalam usaha sama itu, Premier Choice sembilan peratus dan Metro Denso 40 peratus. -- BERNAMA

MFJ ZK MA